

## FAQ PAKEJ PEMBELAJARAN INTAN-COURSERA

- S : Siapakah yang boleh memohon INTAN-Coursera?  
J : **INTAN-Coursera adalah terbuka kepada semua penjawat awam. Semua permohonan yang diterima akan didaftarkan, tertakluk kepada kuota 2,500 lesen.**
- S : Adakah semua kursus di dalam INTAN-Coursera adalah percuma?  
J : **Ya, semua kursus adalah percuma tertakluk kepada pakej pembelajaran yang dilanggan oleh INTAN sahaja.**
- S : Di manakah saya boleh memohon INTAN-Coursera?  
J : **Permohonan boleh dibuat melalui <https://www.dtims.intan.my/coursera>**
- S : Berapa lamakah masa diambil untuk saya menerima jemputan INTAN-Coursera?  
J : **Sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh permohonan.**
- S : Bolehkah saya mendaftar lebih daripada 1 kursus pada satu-satu masa?  
J : **Boleh. Peserta boleh mendaftar lebih daripada 1 kursus pada satu-satu masa dan boleh mengikuti kursus pada bila-bila masa.**
- S : Bolehkah kursus INTAN-Coursera dikira dalam bilangan hari berkursus?  
J : **Boleh. Jumlah jam adalah berdasarkan tempoh jam yang dinyatakan pada keterangan kursus. 6 jam kursus dalam talian adalah bersamaan dengan 1 hari kursus.**
- S : Saya telah mendaftar INTAN-Coursera pada tahun sebelum ini. Adakah saya perlu mendaftar semula?  
J : **Ya. Langganan INTAN-Coursera ini adalah langganan secara tahunan. Peserta perlu mendaftar semula pada tahun berikutnya sekiranya masih berminat.**
- S : Adakah semua kursus yang ditawarkan menjurus kepada kursus berkaitan digital sahaja?  
J : **Tidak. Terdapat 12 kategori bidang kursus daripada pelbagai pengkhususan yang ditawarkan antaranya Arts and Humanities, Math and Logic, Personal Development, Language Learning, Business & Leadership dan Data Science.**
- S : Saya telah memohon INTAN-Coursera tetapi masih belum menerima emel jemputan.  
J : **Sekiranya emel jemputan masih belum diterima selepas tempoh 3 hari bekerja, sila hubungi Penyelaras INTAN-Coursera.**